

TR: 1.7.1966

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI PEMBUKAAN KURSUS PEMBANGUNAN
MASYARAKAT UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI
DAERAH DI DEWAN LATIHAN PEGAWAI-
PEGAWAI KERAJAAN, PETALING JAYA
PADA 12 JULAI, 1966.**

Kursus ini diadakan dalam bidang GERAKAN MAJU dengan tujuan memberi kesedaran kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang menjalankan tugas-tugas berupa Pembangunan Masyarakat akan peri mustahaknya memahami dasar-dasar Kerajaan dan rancangan-rancangan Kerajaan yang ditujukan untuk kemajuan rakyat serta untuk mendapatkan tindakan bersama menjayakan segala usaha-usaha Pembangunan.

Kursus ini - yang dijalankan dalam peringkat selepas Konfrontasi — mempunyai makna yang penting. Malaysia sekarang sedang mengalami suasana baharu yang mengandungi harapan yang lebih luas dan cemerlang dalam bidang Pembangunan. Suasana yang baik ini patut memberi galakkan yang kuat bagi kita untuk berusaha berlebihan daripada masa-masa yang lalu.

Kerajaan tidak berganjak daripada keazamannya bersungguh-sungguh berusaha dengan apa sahaja cara yang boleh untuk membaiki taraf hidup rakyat. Sambil Kerajaan menjalankan usaha-usaha pembangunan untuk mencapai tujuan ini Kerajaan juga menggalakkan rakyat supaya bersungguh-sungguh sedaya upaya mereka membaiki keadaan mereka sendiri.

Dalam kedua-dua proses ini peranan Pegawai-pegawai Daerah adalah penting. Sebagai Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Pembangunan Daerah tuan-tuan bertanggungjawab di atas kejayaan rancangan-rancangan kemajuan di daerah dan juga untuk membantu Kerajaan membentuk golongan rakyat yang berdaya berdiri di atas kaki mereka sendiri.

Rakyat yang dinamis, yang ingin bergerak maju, hanya dapat

diwujudkan jika jentera Pentadbiran dan Pembangunan berjalan dengan licin. Tiap-tiap keputusan, tiap-tiap tindakan mestilah dihasilkan dengan cepat. Ini bermakna sikap mengelak-elak tanggungjawab, membuang masa atau bekerja makan tidur tak ada tempatnya di zaman Pembangunan ini.

Pegawai-pegawai Daerah adalah sebagai pemimpin di daerahnya — dalam segi Pentadbiran pemimpin kepada pegawai-pegawai yang lain; dalam segi usaha-usaha kemajuan pemimpin kepada penduduk-penduduk di situ. Pemimpin yang berjaya menggunakan cara yang bijak. Satu cara yang bijak ialah sebagai cara menarik rantai, bukan menolak rantai. Tiap-tiap lenggang dalam utas rantai itu mengikuti dengan kemas jika rantai itu ditarik. Tetapi jika rantai itu ditolak keadaannya menjadi tidak tentu hala.

Pakar-pakar yang membersihkan hutan-hutan belukar atau 'secondary jungle' juga menggunakan rantai untuk membersihkan anak-anak kayu dengan mudah sahaja oleh sebab mereka mengetahui cara menggunakan rantai itu. Di penghujung rantai mereka ikatkan sebuah besi bulat; ditariknya rantai itu dengan menggunakan jentera. Hasilnya ialah segala tumbuhan-tumbuhan anak kayu dapat ditumbangkan dengan bersih. Pegawai-pegawai Daerah hendaklah mensifatkan masalah-masalah di kampung-kampung dalam daerah mereka sebagai anak-anak kayu dan belukar-belukar yang menghalang kemajuan dan halangan-halangan itu boleh diketepikan jika ia bijak menggunakan akal dan jentera pentadbirannya. Jika rantai itu diumpamakan sebagai pegawai-pegawai Kerajaan maka besi bulat di hujung rantai itu ialah rakyat - dengan adanya pimpinan yang baik dan kerjasama yang erat di antara semua yang berkenaan segala halangan boleh dibersihkan.

Negara kita Malaysia boleh mencapai kemajuan yang lebih jika semua rakyat dan juga pegawai-pegawai Kerajaan memainkan peranan masing-masing dengan secukup-cukupnya dan dengan jujur. Peranan ini hendaklah disambungkan kepada segi perhubungan di antara kaum untuk menghasilkan 'racial harmony'. Negara kita mempunyai bidang keperluan-keperluan hidup yang luas dan peluang-peluang untuk mencapai kemajuan dan kemakmuran adalah banyak bagi semua penduduk. Saya pernah mendengar pelawat-pelawat dari negara lain mengatakan Negara kita Malaysia ini sebagai 'a land of milk and honey'. Rakyat yang sanggup berusaha

dan tekun berusaha, rajin dan yang mempunyai ketabahan hati sahaja yang boleh berjaya menikmati kemakmuran itu.

Memanglah sudah menjadi hasrat saya hendak melihat penduduk-penduduk negara ini, baik di luar bandar ataupun di dalam bandar, menikmati kemakmuran negara kita. Itulah sebabnya sentiasa saya ulangi nasihat-nasihat menyeru rakyat berusaha lebih giat kerana tiada jalan lain yang boleh mereka mencapai kemajuan melainkan dengan berusaha. Itulah sebabnya saya lancarkan Gerakan Maju yang mengandungi di dalamnya seruan untuk memperhebatkan lagi usaha dan tenaga rakyat untuk kebahagiaan mereka sendiri.

Hari ini saya ulangi lagi seruan itu. Saya berkehendakkan tuan-tuan menyambungkan seruan saya ini supaya rakyat di semua lapisan sedar dan menyahut seruan ini dengan berusaha dan menambatkan hasil dan pendapatan mereka.

Selain daripada kursus pada hari ini Kerajaan akan mengadakan acara-acara lain di dalam bidang Gerakan Maju untuk mendapatkan kesedaran rakyat serta Pegawai-pegawai Kerajaan supaya melipat gandakan usaha dalam Pembangunan. Tidak berapa lama lagi kita akan mengadakan satu Seminar Gerakan Maju untuk dibincangkan hal-hal Pembangunan terutama dalam aspek kesihatan. Rancangan ini akan membawa Gerakan Maju ke peringkat selanjut iaitu menumpukan tindakan di atas perkara-perkara dan kampung-kampung yang tertentu, supaya layanan yang cukup dapat diberi kepada tempat-tempat yang tertentu untuk menolong rakyat mengatasi masalah-masalah yang rumit di kawasan-kawasan mereka, iaitu masalah-masalah yang rakyat sendiri boleh mengatasi jika diberi panduan dan galakkan yang sempurna.

Ini tidak bermakna yang layanan yang cukup tidak diberi kepada semua kampung pada masa ini, tetapi sambil rancangan-rancangan pembangunan dilaksanakan sebagai di rancangan sekarang tindakan menyedarkan rakyat dalam bidang Gerakan Maju akan dipancarkan kepada kampung-kampung atau kawasan-kawasan yang masih mundur disebabkan oleh adanya tempat-tempat itu penduduk-penduduk yang tidak berusaha dengan cukup yang boleh memajukan tempat-tempat mereka itu dengan laju dan sempurna. Tindakan ini adalah serupa dengan cara yang digunakan dalam masa darurat

dahulu untuk menghapuskan kawasan-kawasan yang dipengaruhi oleh penganas-penganas Komunis.

Selama 3 hari tuan-tuan berada di sini, selain daripada mempelajari perkara-perkara yang berguna untuk menambahkan kecekapan tuan-tuan dalam tugas masing-masing, saya berharap tuan-tuan juga dapat memberi sumbangan di dalam perkara-perkara yang baik daripada pengalaman tuan-tuan supaya dapat dijadikan panduan untuk pegawai-pegawai yang lain dan menambahkan kecekapan serta meninggikan taraf pentadbiran.

Saya berharap apabila tuan-tuan balik ke daerah masing-masing setelah menghadiri Kursus ini tuan-tuan akan menguatkan lagi keazaman tuan-tuan untuk berkhidmat kepada rakyat, menyedarkan semangat kemajuan di kalangan mereka dan memimpin mereka ke arah kemajuan. Rakyat yang hidup dengan serba kekurangan tidak menguntungkan negara. Sebaliknya rakyat yang berjaya meninggikan taraf hidup mereka akan menambahkan kemakmuran negara. Matlamat untuk meninggikan taraf hidup itulah yang dijadikan matlamat kepada dasar dan keazaman Kerajaan Perikatan.

Selama ini kejayaan kita menuju ke matlamat itu sudah ada ternyata tetapi kejayaan kita itu adalah terhad — bukanlah dihadkan oleh hasrat kita atau dasar kita ataupun kecekapan kita tetapi oleh masa yang pendek, kerana kita baru sahaja 9 tahun mencapai Kemerdekaan. Walaupun begitu dengan adanya rancangan-rancangan yang tersusun, dengan adanya jentera pentadbiran yang cekap serta adanya rakyat yang sanggup berusaha dan berkorban, kejayaan itu akan dapat kita lipat gandakan.

Oleh yang demikian saya berharap tuan-tuan akan memainkan peranan tuan-tuan sebagai yang telah saya katakan tadi dan bersama-sama menjayakan segala rancangan-rancangan Kerajaan.

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Kursus yang pertama ini.